1. Kehadiran murid	Kehadiran penuh <b>atau</b> tidak hadir : 1 hingga 3 hari berturut-turut <b>atau</b> tidak hadir : 1 hingga 10 hari tidak berturut-turut	tidak hadir : 4 hingga 10 hari berturut-turut <b>atau</b> tidak hadir : 11 hingga 20 hari tidak berturut-turut	tidak hadir : 11 hingga 17 hari berturut-turut <b>atau</b> tidak hadir : 21 hingga 40 hari tidak berturut-turut	tidak hadir : 18 hari berturut-turut <b>atau</b> lebih daripada 18 hari berturut-turut <b>atau</b> tidak hadir : 41 hari tidak berturut-turut <b>atau</b> lebih daripada 41 hari berturut-turut
2. *Pencapaian akademik (sila rujuk nota)	lulus semua subjek	lulus separuh atau lebih daripada subjek yang diambil	lulus kurang daripada separuh subjek yang diambil	gagal keseluruhan subjek
3. Salah laku disiplin di sekolah	tiada salah laku disiplin	melakukan salah laku disiplin ringan	melakukan salah laku disiplin sederhana	melakukan salah laku disiplin berat
<b>Faktor Keluarga</b>				
4. Jarak rumah dari-sekolah	kurang daripada 2km	3km – 5km	6km – 10km	lebih daripada 10km
5. Pendapatan isi rumah sebulan	melebihi RM8000	RM3001 – RM8000	RM1501 – RM 3000	kurang daripada RM1500 sebulan
6. Status ibu bapa/ penjaga	Berkahwin	ibu atau bapa/ penjaga meninggal dunia	ibu bapa/penjaga meninggal dunia (yatim piatu)	ibu bapa/ penjaga bercerai
7. Status OKU	Tidak			Ya

**Nota :**

Pencapaian akademik merujuk kepada Pencapaian Peperiksaan Pertengahan Tahun sebelum

Sek Ren : BM – Pemahaman, BI – Pemahaman, Matematik dan Sains

Sek Men Ren : BM, BI, Matematik dan Sains

Sek Men Atas : BM, BI, Sejarah dan Matematik

**Rajah 2 : Rubrik Instrumen Kriteria Murid Berisiko Cicir**  
(Sumber : Portal Kementerian Pendidikan Malaysia)

Selain itu, pernyataan masalah bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti tentang sebab senarai imbuhan yang digunakan di rumah lebih banyak berbanding senarai imbuhan yang digunakan di sekolah (Long, 1989). Kajian tentang pemerolehan imbuhan telah dilakukan oleh Juriah Long pada tahun

1989 dalam tesis Doktor Falsafah yang bertajuk Pemerolehan Imbuan Kata Nama dan Kata Kerja pada Peringkat Prasekolah dan Implikasinya terhadap Pendidikan Bahasa.

Dapatan kajian tesis ini menunjukkan bahawa murid-murid menggunakan lebih banyak imbuan semasa berada di rumah berbanding semasa berada di sekolah. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa murid-murid lebih kreatif dalam penggunaan imbuan di rumah berbanding di sekolah. Di samping itu, terdapat senarai imbuan kata nama dan kata kerja BM yang digunakan di rumah tetapi tidak digunakan di sekolah.

Tambahan pula, dapatan tesis ini menunjukkan bahawa imbuan kata nama dan imbuan kata kerja yang kerap digunakan oleh murid-murid ialah imbuan yang membawa maksud ketara, maujud dan mudah manakala imbuan yang tidak kerap digunakan ialah imbuan-imbuan yang membawa maksud yang mujarad, mempunyai fungsi semantik dan gramatis yang rumit atau mempunyai unsur kerumitan kumulatif.

Justifikasinya, terdapat dua perbezaan antara kajian yang dijalankan oleh Juriah Long berbanding kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Perbezaan pertama adalah perbezaan dari segi umur. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji menggunakan murid tahun tiga manakala kajian yang dijalankan oleh Juriah Long menggunakan 12 orang murid iaitu enam lelaki dan enam perempuan yang berumur lima dan enam tahun yang belajar di tadika Taman Siswa Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Akhir sekali, perbezaan antara kajian yang dijalankan oleh Juriah Long berbanding kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah dari segi teori. Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) dan (1981) dan Teori Kecerdasan Pelbagai oleh Howard Gardner (1983) digunakan sebagai landasan dalam kajian pengkaji ini. Kerangka teoritis dalam kajian Juriah Long adalah berasaskan pendekatan interaksi oleh Schlesinger, 1971; 1974; 1977; Slobin, 1973; Halliday, 1975; Cromer, 1976; 1979; Wells, 1981; 1985.

Dapatan kajian Juriah Long menyatakan bahawa senarai imbuhan yang digunakan di rumah lebih banyak berbanding senarai imbuhan yang digunakan di sekolah. Justeru, pengkaji telah ke sekolah rendah iaitu SK Sri Serdang untuk menganalisis jenis imbuhan kata nama dan kata kerja BM yang digunakan oleh murid tahun tiga. Pengkaji juga mengenal pasti kesalahan jenis imbuhan murid tahun tiga. Sehubungan dengan itu, pengkaji menjelaskan faktor yang mempengaruhi kesalahan jenis imbuhan kata nama dan kata kerja BM yang digunakan oleh murid tahun tiga berdasarkan perspektif guru BM mereka di sekolah. Secara tidak langsung, pengkaji dapat membandingkan perspektif antara murid dengan guru berdasarkan faktor yang mempengaruhi murid melakukan kesalahan imbuhan.

Kajian ini turut dilakukan oleh pengkaji kerana murid terlebih dahulu menguasai beberapa unsur-unsur bahasa seperti yang dikaji oleh (Long, 1989) sehingga menyebabkan mereka susah untuk menguasai imbuhan ekoran faktor persekitaran. Hal ini bermaksud, perkataan dalam bentuk kata akar lebih dahulu dikuasai oleh murid berbanding kata berimbuhan. Mereka

juga mempunyai motivasi yang rendah terhadap pembelajaran BM, kurang peruntukan masa untuk mengulang kaji, kurangnya membuat latih tubi sendiri dan kurangnya penggunaan BM dalam seminggu yang sehingga majoriti murid mendapat hanya mendapat markah yang kurang memuaskan.

Selain itu, pengkaji menjalankan kajian ini kerana ingin mengenal pasti faktor imbuhan apitan paling sukar dikuasai oleh murid (Shabir, 2015). Menurut (Haji Omar, 2015a) menyatakan bahawa imbuhan paling lewat dikuasai oleh murid kerana apitan yang tidak bersambung ini menghasilkan ketegangan dalam proses penerimaan ataupun penghasilan imbuhan tersebut. Justeru, pengkaji ingin mengenal pasti sejauh mana penggunaan imbuhan apitan dalam kalangan murid tahun tiga.

Di samping itu, pengkaji melihat bahawa murid cenderung untuk membina ayat dengan menggunakan ayat kata akar. Murid ini menggugurkan imbuhan dan tidak mengetahui imbuhan yang sepatutnya digunakan oleh mereka. Walau bagaimanapun, pengimbuhan merupakan proses pembentukan kata yang agak rumit untuk dikuasai. Menurut (Karim et al., 2015) menyatakan bahawa masalah penggunaan imbuhan sering dihadapi oleh penutur jati bahasa Melayu yang dewasa. Hal ini turut disokong oleh pendapat yang dikemukakan oleh (Sariyan, 2009) menyatakan bahawa tatabahasa sering dianggap orang sebagai subjek yang kering, membosankan, dan kadangkala menakutkan. Menurut Sariyan, (2009) tatabahasa hanya terdiri daripada rumus-rumus bahasa, sama halnya dengan Matematik. Masalah ini timbul kerana kebanyakan penutur natif bahasa Melayu kurang menggunakan

imbuan dalam bahasa pertuturan mereka. Pada masa yang sama, cara penggunaan sesetengah imbuhan dalam bahasa pertuturan berbeza dengan penggunaan imbuhan dalam bahasa Melayu Standard (BMS) (Sariyan, 2009).

Tambahan pula, faktor yang mempengaruhi kesalahan dalam kalangan murid sekolah rendah tahap satu kerana menurut (Sariyan, 2009) dalam (A. Abdul Razak & Mahamod, 2021), murid tidak menguasai dan memahami rumus-rumus penulisan imbuhan awalan dan apitan dengan baik, serta tidak begitu mengenali kata akar bagi sesuatu kata kerja sebelum menerima imbuhan serta tidak memahami perkataan abstrak. Contohnya, murid tidak meletakkan imbuhan dan menulis ayat dengan menggunakan kata dasar. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka menulis ayat dengan menggunakan perkataan yang digunakan dalam komunikasi seharian. Justeru, mereka terpengaruh dengan situasi ini.

Seterusnya, menurut (Md. Yusuf, 2015) dalam kajian Tesis Doktor Falsafah yang bertajuk Bahasa Antara dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa Kedua menunjukkan bahawa kesalahan penggunaan imbuhan awalan kerap digunakan oleh subjek kajian. Selain itu, dapatan kajian tesis beliau menunjukkan bahawa subjek kajian juga keliru terhadap penggunaan kata sendi “di” dengan imbuhan awalan “di”. Misalnya, ejaan bagi “dimakan” dieja rapat kerana dimakan merupakan imbuhan kata kerja awalan di-manakala “di kanan” dieja jarak kerana di dalam perkataan di kanan merupakan kata sendi nama. Menurut (Hanafi et al., 2008) kesalahan imbuhan yang dilakukan oleh murid menunjukkan peratusan tertinggi iaitu

(39.71%) berbanding kesalahan kata ganda, kata sendi dan kata hubung. Kajian yang dilakukan oleh (Hwa, 2018) menunjukkan bahawa murid juga tidak dapat membezakan imbuhan awalan men- dengan mem-.

Hal ini dikatakan demikian kerana pendapat ini disokong oleh ahli-ahli linguistik tempatan yang berpendapat bahawa imbuhan lebih sering digunakan dalam bahasa tulisan dan pertuturan formal bahasa Melayu (Haji Omar, 2015a). Menurut Hashimah et al., (2009) mengatakan bahawa ada juga penahu yang memberikan makna peN- sebagai penderita, kelaziman dan penanda abstrak. Sebagai contoh, 'petani' sebagai agen, 'perokok' sebagai kelaziman, 'pemarah' sebagai abstrak, 'penimbang' sebagai alat, dan seterusnya. Apa yang jelas kelihatan ialah makna yang diberikan terhadap imbuhan peN- ini agak luas yang kadangkala bertindih dan secara tidak langsung boleh menimbulkan kekeliruan.

Penggunaan imbuhan kata nama dan kata kerja mungkin terjadi secara serentak. Hal ini dikatakan demikian kerana ada imbuhan yang diperoleh dahulu berbanding yang lain. Murid lewat menguasai imbuhan kata nama dan imbuhan kata kerja mungkin kerana imbuhan tersebut agak rumit dari segi pembentukannya. Jika terdapat ciri-ciri sejagat dalam proses pemerolehan bahasa berkemungkinan bahawa imbuhan yang melibatkan akhiran kata nama dan imbuhan akhiran kata kerja dalam BM lebih dahulu dikuasai oleh murid berbanding imbuhan awalan (Karim et al., 2015).

Lantaran itu, hakikat-hakikat yang ternyata dalam bidang Psikolinguistik menggambarkan bahawa makna imbuhan kata nama dan kata kerja yang diuraikan oleh ahli-ahli bahasa mempengaruhi penggunaan imbuhan dalam kalangan murid. Maka, imbuhan yang mengandungi makna yang lebih mudah mungkin lebih awal dikuasai oleh mereka berbanding imbuhan yang mengandungi makna yang lebih kompleks dan rumit (A. Hassan, 2006).

Akhir sekali, pernyataan masalah yang menyebabkan pengkaji menjalankan kajian ini untuk mengenal pasti faktor pengaruh media sosial dan penggunaan aplikasi sosial terhadap kesalahan bahasa khususnya daripada aspek imbuhan. Kajian yang dilakukan oleh (Din & Abd Wahab, 2021) bertajuk Kesalahan Penggunaan Imbuhan Bahasa Melayu dalam *Instagram* menunjukkan bahawa 44% merupakan kesalahan imbuhan akhiran, 16.92% merupakan kesalahan imbuhan awalan dan 15.38% merupakan kesalahan imbuhan apitan. Penggunaan imbuhan yang salah semasa menaip kapsyen dalam *Instagram* mempengaruhi makna yang ingin disampaikan.

Kesimpulannya, kajian ini telah menganalisis penggunaan imbuhan kata nama dan kata kerja BM yang memberi fokus terhadap murid tahun tiga. Pengkaji untuk menjalankan kajian bagi mencari huraian terhadap permasalahan yang dihadapi oleh murid dalam mengaplikasikan penggunaan imbuhan yang melibatkan pembelajaran bahasa. Masalah yang mendorong kepada penguasaan imbuhan menjadi fokus kajian ini sebagai satu usaha ke arah mempertingkatkan pencapaian murid terutama sekali bagi mata pelajaran BM.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini berkaitan penggunaan dan kesalahan imbuhan bahasa Melayu dalam kalangan murid tahun tiga yang menjalani persekolahan di SK Sri Serdang, Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan. Maka, kajian ini secara rinci menghuraikan:

- i) Menganalisis jenis imbuhan kata nama dan kata kerja bahasa Melayu yang digunakan oleh murid tahun tiga;
- ii) Mengenal pasti kesalahan jenis imbuhan kata nama dan kata kerja bahasa Melayu yang digunakan oleh murid tahun tiga;
- iii) Meneroka faktor yang mempengaruhi kesalahan jenis imbuhan kata nama dan kata kerja bahasa Melayu yang digunakan oleh murid tahun tiga; dan
- iv) Meneroka faktor yang mempengaruhi kesalahan jenis imbuhan kata nama dan kata kerja bahasa Melayu yang digunakan oleh murid tahun tiga berdasarkan perspektif guru bahasa Melayu tahun tiga.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Kajian ini dilaksanakan untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan kajian yang berikut:

- i) Apakah jenis imbuhan kata nama dan kata kerja bahasa Melayu yang digunakan oleh murid tahun tiga?;
- ii) Apakah kesalahan jenis imbuhan kata nama dan kata kerja bahasa Melayu yang digunakan oleh murid tahun tiga?;
- iii) Apakah faktor yang mempengaruhi kesalahan jenis imbuhan kata nama dan kata kerja bahasa Melayu yang digunakan oleh murid tahun tiga?; dan

- iv) Apakah faktor yang mempengaruhi kesalahan jenis imbuhan kata nama dan kata kerja bahasa Melayu yang digunakan oleh murid tahun tiga berdasarkan perspektif guru bahasa Melayu tahun tiga?

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Setiap kajian yang dilakukan seharusnya mempunyai beberapa kepentingan kajian. Antara kepentingan kajian ini adalah untuk memberi pendedahan kepada ibu bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana salah satu cara untuk mendorong minat murid bagi belajar adalah melalui bahan rangsangan. Hal ini bermaksud, bahan rangsangan mampu meningkatkan penggunaan imbuhan murid dan mengekalkan perhatian murid terhadap satu proses pembelajaran walaupun dalam situasi yang berbeza.

Sehubungan dengan itu, ibu bapa hendaklah mengambil inisiatif dengan menyediakan bahan-bahan rangsangan untuk anak-anaknya sama ada berbentuk bacaan atau alat permainan. Aktiviti-aktiviti secara kolaboratif atau bekerjasama dalam interaksi bahasa antara murid dengan ibu bapa dapat menyediakan konteks yang paling sesuai untuk penggunaan bahasa dan penggunaan imbuhan. Melalui aktiviti tersebut seseorang murid dapat menghayati unsur bahasa dan rumus tatabahasa yang terdapat dalam bahasa ibundanya.

Justeru, murid-murid juga dapat mempelajari cara untuk memilih tutur kata serta pertuturan yang sesuai dengan khalayak, tajuk dan konteks perbualannya. Natijahnya, inisiatif yang diambil oleh ibu bapa melalui

penyediaan bahan-bahan tambahan yang mencukupi untuk anak mereka dan bersedia untuk membantu anak mereka adalah langkah yang efisien supaya anak-anak dapat menguasai imbuhan dan bahasa ibunda dengan lebih baik.

Selain itu, kepentingan kajian ini boleh memberikan gambaran terhadap peranan ibu bapa dalam usaha memainkan peranan penting untuk membantu penggunaan imbuhan dalam kalangan anak-anak. Ibu bapa merupakan individu yang paling rapat dan sentiasa mempunyai masa dan kesempatan yang lama untuk berinteraksi dengan anak-anak. Oleh itu, ibu bapa dan ahli keluarga ialah individu yang sepatutnya memainkan peranan penting dalam proses murid memperoleh, meningkatkan dan menguasai penggunaan imbuhan. Pemerhatian dan peniruan murid terhadap penggunaan bahasa oleh model di sekeliling, membolehkan mereka menggunakan bahasa dengan kosa kata dan ayat yang betul mengikut situasi dan konteks. Kosa kata abstrak dan ayat majmuk diperoleh semasa peringkat usia yang lebih tinggi.

Sehubungan dengan itu, ibu bapa hendaklah memainkan peranan untuk memastikan bahawa penggunaan bahasa di rumah atau penggunaan bahasa dalam alat-alat media yang menjadi bahan tontonan anak-anak pada peringkat ini sentiasa diperhatikan dan dikawal. Hal ini penting untuk memastikan anak mereka dapat menguasai bahasa pertamanya secara berkesan dan betul dari segi kosa katanya. Pada peringkat ini, murid tidak mendengar dan memberi perhatian secara langsung terhadap penggunaan bahasa untuk memperoleh kefahaman. Lantaran itu, murid dapat menggunakan kosa kata baharu mengikut konteks.

Di samping itu, kepentingan kajian ini adalah untuk memberi pendedahan kepada guru. Hal ini bermaksud guru memainkan peranan yang penting supaya dapat menyediakan konteks pembelajaran yang sihat dan menggalakkan murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam setiap interaksi. Di samping itu, guru juga perlu bekerjasama dengan murid dalam proses pembelajaran imbuhan. Unsur-unsur tatabahasa pula dipelajari secara tidak langsung melalui interaksi tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana murid mempunyai kebolehan yang cukup tinggi dan mengikut korpus mereka. Kajian ini menunjukkan murid mampu menggunakan pengetahuan asas tatabahasa sesuatu bahasa khususnya BM, iaitu jenis-jenis imbuhan kata nama dan imbuhan kata kerja. Sehubungan dengan itu, kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran kepada guru-guru prasekolah dalam merancang strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan kepada murid tahap satu. Hal ini dikatakan demikian kerana pembelajaran semasa tahap satu menjadi satu landasan utama bagi murid sebelum meneruskan tahap dua iaitu apabila berumur 10, 11 dan 12 tahun.

Peringkat umur murid tahun tiga merupakan peringkat umur yang begitu mudah dibentuk bagi mencapai matlamat pendidikan yang lebih berkualiti pada masa hadapan. Ibu bapa perlu memainkan peranan yang amat penting agar murid tidak tercicir dalam pemerolehan imbuhan kerana keadaan ini sedikit sebanyak mempengaruhi pembentukan peribadi murid apabila mereka menempuhi alam persekolahan sekolah menengah. Murid yang menerima perhatian yang cukup dan pendedahan pengajaran yang holistik sudah pasti dapat melahirkan pemuda serta pemudi negara yang mampu untuk menerajui

tampak pemerintahan negara pada masa hadapan. Rentetan itu, guru-guru sekolah rendah tahap satu digalakkan memainkan peranan dengan mempelbagaikan kaedah dan pendekatan dalam pengajaran terutamanya dalam proses berinteraksi dengan murid supaya dapat dilaksanakan. Guru-guru digalakkan menjalankan pengajaran bahasa yang menarik dan tidak statik. Hal ini bertujuan agar murid berupaya untuk menggunakan imbuhan dengan lebih baik.

Tambahan pula, kepentingan kajian ini adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat. Murid yang kerap berkomunikasi dengan orang di sekeliling mereka memberi kesan terhadap penggunaan dan penguasaan imbuhan. Sehubungan dengan itu, semakin banyak murid berhubung dengan orang dewasa semakin baik penggunaan imbuhan. Hal ini turut mempunyai kaitan dengan saiz keluarga murid tersebut dan juga kedudukan murid tersebut dalam keluarganya.

Akhir sekali, kepentingan kajian ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para penulis buku. Hal ini bermaksud para penulis digalakkan mengolah bahan-bahan bersesuaian untuk murid supaya dapat memantapkan lagi penggunaan imbuhan dalam kalangan murid. Seterusnya, penulis buku memainkan peranan yang sangat penting untuk memberi pendedahan ayat-ayat yang mudah dan sesuai dengan umur dan tahap penguasaan imbuhan supaya penggunaan imbuhan murid ini dapat dipertingkatkan. Justeru, para penulis buku dapat memahami dan menulis bahan yang sesuai untuk tujuan bacaan murid. Kajian ini diharapkan agar

dapat memberi gambaran kepada pihak penerbit dan penulis buku-buku BM untuk kegunaan murid. Hal ini penting bagi memastikan buku-buku yang bermutu dan sesuai dengan tahap penggunaan imbuhan murid. Sehubungan dengan itu, kajian ini diharapkan agar dapat membantu pengkaji-pengkaji lain yang berminat untuk mengkaji penggunaan imbuhan dalam kalangan murid tahun tiga.

Tuntasnya, kajian-kajian tentang penggunaan imbuhan perlu diteruskan lagi pada masa hadapan. Semoga dapatan kajian ini memberi manfaat kepada pengkaji pada hadapan yang berminat untuk melakukan kajian dalam bidang penggunaan imbuhan BM bagi menambahkan khazanah ilmu berkaitan masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid. Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian dalam bidang Psikolinguistik ini dengan harapan supaya dapat menambahkan lagi bilangan kajian yang telah sedia ada. Dapatan kajian ini juga dapat menambahkan kosa ilmu dalam bidang penggunaan imbuhan. Tambahan pula, penggunaan imbuhan kata nama dan kata kerja BM dalam kalangan murid tahun tiga adalah amat penting untuk dikuasai kerana mereka sudah lengkap pembelajaran tahap satu. Dalam konteks ini, aspek ini perlu ditekankan kerana mereka akan memasuki pembelajaran tahap dua dan seterusnya memasuki di sekolah menengah setelah menjangkau usia 13 tahun.

### **1.7 Batasan Kajian**

Pengkaji sedar terhadap pembatasan kajian ini, khususnya tentang hakikat bahawa kajian ini dijalankan dengan melibatkan 30 orang murid tahun tiga

yang berbangsa Melayu dan menjalani persekolahan di SK Sri Serdang, Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan. Justeru, murid yang berbangsa Cina dan India tidak digunakan dalam kajian ini.

Selain itu, kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan bagi menentukan penggunaan imbuhan kata nama dan kata kerja BM bagi 30 orang murid tahun tiga. Murid yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada 14 orang murid lelaki dan 16 orang murid perempuan.

Pemerhatian pemerolehan imbuhan pula dibuat terhadap kumpulan murid tahun tiga. Oleh sebab corak pemilihan sampel sedemikian rupa dan jangka masa pemerhatian agak singkat berbanding dengan kajian terdahulu, namun objektif kajian telah berjaya dicapai (J. W. Creswell, 2018). Berdasarkan huraian di atas, dapatan kajian ini dijadikan sebagai petunjuk tentang penggunaan imbuhan dalam kalangan murid tahun tiga yang berbangsa Melayu untuk meneliti aspek imbuhan kata nama dan kata kerja BM.

Pengkaji juga memasukkan hanya jenis imbuhan kata nama dan imbuhan kata kerja yang terdapat dalam buku teks BM Tahun Satu, BM Tahun Dua, dan BM Tahun Tiga. Hal ini bermaksud, imbuhan kata adjektif, imbuhan sendi nama dan imbuhan pinjaman tidak dimasukkan dalam kajian ini.

## **1.8 Skop Kajian**

Kajian ini bertujuan menganalisis penggunaan imbuhan kata nama dan kata kerja BM dalam kalangan murid tahun tiga yang berbangsa Melayu tahun

yang mengikuti pembelajaran di SK Sri Serdang, Seri Kembangan, Selangor. Oleh itu, kajian ini menumpukan penggunaan imbuhan kata nama dan kata kerja BM sebagai fokus utama. Sehubungan dengan itu, pengkaji hanya memberi fokus terhadap 30 orang murid tahun tiga dan terdiri daripada lelaki dan perempuan.

Selain itu, pengkaji mengenal pasti usaha yang dapat dilakukan agar penggunaan imbuhan dalam kalangan murid tahun tiga dapat ditingkatkan. Di samping itu, pengkaji memberi perhatian terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang boleh membantu penggunaan imbuhan.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif untuk menjawab objektif kajian dan persoalan kajian. Dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan untuk mewakili sekolah-sekolah lain tentang penggunaan imbuhan dalam kalangan murid sekolah rendah. Hal ini dikatakan demikian kerana hanya sebuah sekolah yang terlibat dalam kajian ini iaitu SK Sri Serdang, Seri Kembangan, Selangor. Teori yang digunakan relevan dengan kesesuaian umur murid tahun tiga.

### **1.9 Definisi Operasional**

Setiap pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian boleh didefinisikan secara operasional. Definisi operasional, iaitu definisi yang bersifat khusus, boleh diukur melalui pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian (Mohd Noah, 2002). Definisi operasional penyelidik ini ialah pemerolehan imbuhan kata nama dan

imbuhan kata kerja, imbuhan kata nama, imbuhan kata kerja dan murid tahun tiga.

### **1.9.1 Penggunaan Imbuhan Kata Nama dan Kata Kerja BM**

Dalam konteks kajian ini ruang lingkup 'penggunaan' yang dibincangkan membawa maksud perihal mengaplikasikan penggunaan sesuatu perkara berdasarkan imbuhan yang dipelajari. Dalam kajian ini, pengkaji memerihalkan dan menganalisis dengan lebih mendalam tentang imbuhan yang digunakan oleh murid tahun tiga dan faktor yang mempengaruhi murid melakukan kesalahan imbuhan berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder. Menurut Long, (1989) imbuhan merupakan salah satu aspek Morfologi Bahasa Melayu yang penting tetapi rencam. Tiap-tiap imbuhan merupakan satu unit Morfologi yang bitara dan berbeza dari segi pembentukan dan struktur dengan yang lain. Pada dasarnya, imbuhan dapat dianalisis mengikut tiga peringkat.

Peringkat yang pertama ialah peringkat pembentukan yang menunjukkan pertalian kedudukan sesuatu imbuhan dengan bentuk dasarnya dan juga perubahan-perubahan morfofonemik yang terjadi selepas proses pengimbuhan.

Peringkat yang kedua ialah peringkat semantik yang menganalisis perubahan makna semantik pada sesuatu kata terbitan yang telah ditambah dengan imbuhan. Huraian semantik adalah berasaskan makna kata terbitan dalam ayat.

Peringkat yang ketiga pula ialah peringkat gramatis yang meneliti fungsi gramatis sesuatu kata terbitan dalam ayat yang dihadapinya. Karim et al., (2015) telah menjelaskan bahawa imbuhan merupakan bentuk kata yang tidak bertanda lebih mudah untuk difahami, baik dari segi semantik atau sintaksis, daripada bentuk bertanda. Penerangan ini dikategorikan kepada dua aspek iaitu imbuhan kata nama dan imbuhan kata kerja.

Kajian yang meneliti penggunaan imbuhan dalam kalangan murid ini diharap dapat membantu kelompangan kajian lepas di samping mendapatkan dapatan kajian yang tuntas berkaitan dengan tajuk kajian ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji berharap agar kajian seperti ini lebih banyak dilakukan supaya ketetapan dan penambahan maklumat berkaitan aspek kajian dapat diperoleh dan secara tidak langsung dapat membantu para pengkaji lain khususnya terhadap penggunaan imbuhan BM dalam kalangan murid sekolah rendah tahap satu. Selain itu, kajian ini juga dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang peri pentingnya topik kajian ini di samping dapat dijadikan landasan, panduan dan cabaran kepada pengkaji lain untuk menghasilkan satu kajian Psikolinguistik yang lebih berkualiti dan sempurna pada masa hadapan. Tambahan lagi, dengan adanya kajian ini juga dapat menambahkan lagi bilangan kajian dalam bidang pemerolehan imbuhan dalam kalangan murid.

### **1.9.2 Imbuhan Kata Nama BM**

Imbuhan kata nama BM yang digunakan terdiri daripada imbuhan awalan kata nama dalam BM terdiri daripada awalan peN-, pe-, peR-, ke- dan juru-. Kedua,

imbuhan akhiran kata nama terdiri daripada -an. Ketiga, imbuhan apitan kata nama terdiri daripada peN-...-an, pe-...-an, peR-...-an dan ke-...-an. Keempat, imbuhan sisipan kata nama terdiri daripada -el, -em- dan -er- (Karim et al., 2015).

Murid juga berkemampuan untuk menggunakan pelbagai jenis imbuhan kata nama sifar dalam bentuk kata nama primer. Antara imbuhan kata nama yang paling kerap digunakan oleh murid pada peringkat ini merupakan nama untuk benda-benda yang konkrit, tempat, orang dan binatang yang terdapat di dalam persekitaran mereka. Penggunaan imbuhan kata nama dalam bentuk akronim juga wujud dalam interaksi murid. Di samping itu, dalam situasi murid di rumah terdapat juga penggunaan imbuhan kata nama sifar dalam bentuk kata majmuk dan rangkai kata umum (Long, 1989).

Dalam kajian ini juga telah mengenal pasti jenis-jenis imbuhan kata nama dan imbuhan kata kerja yang sering digunakan oleh murid. Selain itu, kajian ini menggunakan Tatabahasa Dewan yang dikarang oleh (Karim et al., 2015) untuk menganalisis jenis-jenis imbuhan kata nama dan imbuhan kata kerja yang digunakan oleh murid tahun tiga.

### **1.9.3 Imbuhan Kata Kerja BM**

Imbuhan awalan kata kerja BM pula terdiri daripada meN-, beR-, teR-, di-, mempeR- dan dipeR-. Kedua, akhiran kata kerja pula terdiri daripada -kan dan -i. Ketiga imbuhan apitan kata kerja pula terdiri daripada meN-...-kan, beR-...-kan, beR-...-an, di-...-kan, meN-...-i, di-...-i, memper-...-kan, memper-...-i,

ke-...-an, diper-...-kan dan diper-...-i. Imbuan sisipan kata kerja pula terdiri daripada -el-, -em- dan -er- (Karim et al., 2015).

Murid juga berkebolehan untuk menggunakan kata kerja dalam bentuk kata kerja akar atau unggunan dan kata kerja berlapis. Kata kerja dalam bentuk akar atau unggunan terdiri daripada kata kerja imbuan sifar. Murid juga berkemampuan untuk menggunakan kata kerja bentuk akar atau unggunan dalam ragam transitif dan tak transitif. Ibu bapa menggunakan bahasa yang mudah ketika berinteraksi dengan murid. Di samping itu, penggunaan perkataan tanpa imbuan juga merupakan ciri utama dalam bahasa lisan (Haji Omar, 2015a). Penggunaan imbuan kata kerja yang menghasilkan kata kerja terbitan dalam kalangan ibu bapa juga mempunyai perselarian dengan penggunaan imbuan tersebut dalam kalangan murid (Long, 1989).

Dalam konteks ini, pengkaji menganalisis imbuan kata kerja yang digunakan oleh murid agar dapat membantu penggunaan mereka khususnya dalam subjek BM.

#### **1.9.4 Murid Tahun Tiga**

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, (2016) oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, (2016), murid bermaksud orang atau anak yang sedang belajar atau berguru, pelajar atau penuntut. Murid di sekolah rendah terdiri daripada murid yang berumur tujuh, lapan, sembilan, sepuluh, 11 dan 12 tahun. Murid tahap satu terdiri daripada murid yang berumur tujuh, lapan, dan sembilan tahun

manakala murid tahap dua terdiri daripada murid yang berumur sepuluh, 11 dan 12 tahun.

Murid yang digunakan oleh pengkaji ialah murid tahun tiga yang berumur sembilan tahun iaitu 14 lelaki dan 16 perempuan. Setiap murid dilengkapi dengan alat pemerolehan bahasa iaitu *Language Acquisition Device (LAD)* yang terdapat pada sebelah kiri otak murid. Alat ini berperanan untuk membantu proses penggunaan bahasa murid (Steinberg, 1990).

Kajian yang meneliti penggunaan imbuhan kata nama dan kata kerja BM dalam kalangan murid tahun tiga ini diharap agar mendapat dapatan kajian yang tuntas berkaitan dengan tajuk kajian ini supaya murid dapat menguasai imbuhan sekali gus mendapat gred yang cemerlang dalam mata pelajaran BM.

#### **1.9.5 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran**

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dapat diertikan sebagai satu dokumen yang mengintegrasikan kurikulum dan pentaksiran. DSKP ini menjadi panduan kepada semua pendidik bahasa Melayu untuk memudahkan melaksanakan pentaksiran dalam PdPc. Dengan erti kata lain, guru BM mengendalikan PdPc dan menjalankan pentaksiran dengan berpandukan satu dokumen sahaja (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024). DSKP terdiri daripada tiga bahagian utama, iaitu Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP), dan Standard Prestasi (SPi). SK bermaksud pernyataan spesifik tentang sesuatu perkara yang patut diketahui

oleh murid dan dapat melaksanakannya semasa sesi persekolahan. Antaranya, termasuklah aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai manakala SP boleh diertikan sebagai satu penetapan kriteria kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diuji bagi setiap standard kandungan. SPi pula ditakrifkan sebagai satu set kriteria untuk menguji tahap penguasaan murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024).

Pengkaji telah merujuk DSKP BM SK Tahun Satu oleh (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016b), DSKP BM SK Tahun Dua oleh (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016a) dan DSKP BM SK Tahun Tiga oleh (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017) untuk mengetahui jenis imbuhan yang dipelajari oleh murid sekolah rendah tahap satu. Justeru, semua imbuhan yang ditanya dalam borang soal selidik tentang demografi murid dan ujian pemahaman penggunaan imbuhan adalah berdasarkan buku teks BM Tahun Satu, buku teks BM Tahun Dua dan buku teks BM Tahun Tiga (Lampiran 7). Selain itu, jenis imbuhan pula dikategorikan berdasarkan pendekatan Tatabahasa Dewan (Karim et al., 2015). Murid tahun tiga dipilih sebagai peserta kajian kerana mereka telah lengkap proses pembelajaran imbuhan.

### **1.10 Kesimpulan**

Penulisan ini telah menyentuh secara umumnya berkenaan setiap perkara utama dalam kajian ilmiah ini iaitu aspek pengenalan, latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, skop kajian, dan definisi operasional.

Dalam kajian ini juga menganalisis jenis imbuhan BM yang digunakan oleh murid. Seperti yang dinyatakan pada bahagian kerangka teori di atas, kajian ini menggunakan Teori Analisis Kesalahan Corder (Corder, 1973 dan 1981) dan Teori Kecerdasan Pelbagai (Gardner, 1983). Pengkaji menggunakan pendekatan Tatabahasa Dewan untuk menganalisis jenis yang digunakan oleh murid.

Kajian-kajian tentang pemerolehan imbuhan perlu diteruskan lagi pada masa-masa hadapan. Semoga dapatan kajian ini memberi manfaat kepada semua dan mampu memberikan panduan kepada pengkaji-pengkaji pada masa hadapan yang berminat untuk melakukan kajian dalam bidang pemerolehan imbuhan murid sekolah rendah ini. Pemerolehan imbuhan merupakan salah satu aspek kajian dalam ilmu Psikolinguistik. Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian ini dengan harapan supaya dapat menambahkan lagi bilangan kajian yang telah sedia ada.

## RUJUKAN

- Abd Nasir, N., & Halim, H. A. (2023). Impak Neuropsikolinguistik dalam Penguasaan Bahasa Pertama terhadap Penggunaan Gadget oleh Kanak-Kanak. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 5(2), 49–61.
- Abdul Azziz, S. S. S., Suhairun, A. A., Siais, S., Talib, O., Mohamed Zain, N. Z., Tengku Shariman, T. P. N., Tajudin, N. M., Bakar, N. A., & Jusoff, K. (2013). Keberkesanan Modul Multimedia Kimia Organik: Mekanisme Tindak Balas Sn1 dan Sn2. *Journal of Educators & Education/Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*, 28, 53–68.
- Abdul Jabbar, A., & Md Ibrahim, G. (2017). *Penggunaan Teknik Pembayangan dalam Pembelajaran Imbuhan Awalan*. <https://dokumen.tips/documents/penggunaan-teknik-pembayangan-dalam-pembelajaran-imbuan-ilmuseminaraa.html?page=1>
- Abdul Razak, A., & Mahamod, Z. (2021). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Aspek Tatabahasa Pelajar Tingkatan Enam. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 299–309. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Abdul Razak, Z. R., & Mohammed Ali, M. (2014). *Perbezaan di antara Kata Kerja Berimbuhan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu*. [www.plm.org.my](http://www.plm.org.my)
- Abdullah, A. (2018). Kajian Perbandingan terhadap Isu dan Perhatian dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Malaysia dan Jepun. *Jurnal Al-Sirat*, 17(1), 150–172.
- Abdullah, H. (2006). *Morfologi: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. PTS Professional Publishing Sdn Bhd. <https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=pLvRDwAAQBAJ&oi=fnd&pg=PR9&dq=abdullah+hassan+imbuan&ots=ez4yZlWo5l&sig=3ZvTvNTthcs37fxPapLiO7T8W4U#v=onepage&q=abdullah%20hasan%20imbuan&f=false>
- Abdullah, I. H., & Yusof, H. (2011). Produktiviti Imbuhan Apitan Ke-...-an dan Pen-...-an: Pendekatan Linguistik Korpus. *Jurnal Linguistik*, 12(Edisi Khas), 1–11. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/146/128>
- Abidin, M. S. Z., Saâ, C. Z., & Rahman, S. M. H. S. A. (2017). Analisis Teknik Fuzzy Delphi terhadap Keperluan Psikoterapi Zikir dalam Meningkatkan Motivasi Kanak-Kanak Autistik Muslim. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 5(2).

- Abu, A. R., & Yusop, M. S. (2016). Sikap Kanak-Kanak Orang Asli di Bandaraya Kuala Lumpur terhadap Penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 57–66.
- Abu Bakar, N. K., & Arifin, Z. (2014). Penggunaan Strategi Belajar Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua: Satu Sorotan. *Seminar Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014*, 1–4.
- Adhikari, J., Mathrani, A., & Scogings, C. (2016). Bring Your Own Devices classroom: Exploring the issue of digital divide in the teaching and learning contexts. *Interactive Technology and Smart Education*. <https://doi.org/10.1108/ITSE-04-2016-0007>
- Adler, P. A., & Adler, P. (1994). Observational techniques. In Y. S. Denzin, N.K, & Lincoln (Ed.), *Handbook of Qualitative Research* (pp. 377–392). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Ahamad, N. A., Rusli, N. F. M., & Jobar, N. A. (2020). Analisis Kesalahan Imbuhan dalam Penulisan Karangan Pelajar dan Hubung Kait Dari Segi Makna Gramatikal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 77–90.
- Ahmad, A., Rahman, S., & Amir, R. (2014). Keberkesanan Modul IDEA-I terhadap Kemahiran Daya Tindak dan Kemenjadian Murid. *Proceeding of the Social Sciences Research*, 685–689.
- Ahmad, J. (2014). *Masalah Pembelajaran dan Penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Murid-Murid Kensiut: Satu Kajian Kes* [Tesis Doktor Falsafah]. Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad, Z., & Jalaluddin, N. H. (2010). Isu Imbuhan /di-i/ Bahasa Melayu: Apitan atau Gabungan. *Jurnal Melayu*, 5, 103–126. [http://journalarticle.ukm.my/3021/1/01ADNAN\\_JUSOH.pdf](http://journalarticle.ukm.my/3021/1/01ADNAN_JUSOH.pdf)
- Ali, A., & Mahamod, Z. (2016). Pembangunan dan Kebolegunaan Modul Berasaskan Bermain bagi Pembelajaran Kemahiran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 16–29.
- Ali, N. H., & Othman, Y. (2018). Strategi Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Melanau Daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 33–41.
- Ali, N. M., & Abd Rahman, F. (2016). Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Daerah Petaling Perdana. *International Journal of Education and Training*, 2(2), 1–8.
- Ali, S. F., & Yusof, N. M. (2012). Kemahiran Membaca Kanak-Kanak dalam Aplikasi Pendekatan Belajar melalui Bermain. *Dp. Jilid*, 121(12), 4–9.

- Aminul Razin, A. S. (2019). *Penguasaan Imbuhan dalam Kalangan Murid Bukan Melayu* [Tesis Ijazah Sarjana Sastera]. Universiti Putra Malaysia.
- Amiruddin, M. H. (2014). *Keberkesanan Modul Asas Keusahawanan Bercirikan Strategi Pembelajaran Masteri terhadap Pelajar Orang Asli* [Tesis Doktor Falsafah]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anak Ngumbang, N., & Mahamod, Z. (2017). Sikap, Minat dan Motivasi Murid Melanau dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *PENDETA*, 8, 47–58.
- Angrosino, M. V. (2005). Recontextualizing observation: Ethnography, pedagogy, and the prospects for a progressive political agenda. In *The Sage handbook of qualitative research*.
- Ashraff, A. F. M. (2017). Problems in Teaching Tamil as a Second Language to The Sinhala Speaking Students: A Research Based on SEUSL Sinhala Speaking Students. *5th South Eastern University Arts Research Session 2016*, 1–5.
- Awal, N. M., Bakar, N. A., & Jalaluddin, N. (2012). Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua: Pengungkapan Idea dalam Penulisan Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 9(2012), 227–240.
- Bacotang, J., & Isa, Z. M. (2016). Aplikasi Model ADDIE dalam Pembangunan Modul Awal Literasi (Modul A-Lit) untuk Kanak-kanak TASKA. *1st International Teacher Education Conference on Teaching Practice (ITECTP)*, 8–10.
- Baharudin, M. (2014). Pemerolehan dan Penguasaan Kecekapan Berbahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Asing di Universiti Sains Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 270–275. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.248>
- Bakar, M. H. (2009). *Keberkesanan Kaedah Permainan Bahasa dalam Mempertingkatkan Penguasaan Kata Kerja al-Mudari dalam Kalangan Pelajar* [Tesis Master Sastera Bahasa Arab]. Universiti Putra Malaysia.
- Banaruee, H., Khatin-Zadeh, O., & Farsani, D. (2023). The Challenge of Psychological Processes in Language Acquisition: A Systematic Review. *Cogent Arts & Humanities*, 10(1). <https://doi.org/10.1080/23311983.2022.2157961>
- Bedore, L. M., Peña, E. D., Summers, C. L., Boerger, K. M., Resendiz, M. D., Greene, K., Bohman, T. M., & Gillam, R. B. (2012). The Measure Matters: Language Dominance Profiles Across Measures in Spanish–English Bilingual Children. *Bilingualism: Language and Cognition*, 15(3), 616–629.

- Bell, R. T. (1981). *An Introduction to Applied Linguistics: Approaches and Methods in Language Teaching*. St. Martin's Press.
- Bogdan, R. C., & Bikien, S. K. (1992). *Qualitative Reserch for Education: An Introduction to Theory and Methods* (Third Edition). Allyn and Bacon.
- Campbell, E., & Storch, N. (2011). The Changing Face of Motivation: A Study of Second Language Learners' Motivation Over Time. *Australian Review of Applied Linguistics*, 34(2), 166–192.
- Chang, P.-L., Hsu, C.-W., & Chang, P.-C. (2011). Fuzzy Delphi Method for Evaluating Hydrogen Production Technologies. *International Journal of Hydrogen Energy*, 36(21), 14172–14179. <https://doi.org/10.1016/j.ijhydene.2011.05.045>
